



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(3)

Tarikh : 16 April 2019

KENYATAAN MEDIA

Penang Hill Festival 2019

Penang Hill Festival kini KEMBALI! Datang dan sertai sambutan di tengah kawasan hutan tropika yang berusia 130 juta tahun di Pulau Pinang yang indah ini.

Bukit Bendera merupakan destinasi pelancongan yang terkenal bagi pelancong dalam dan luar negara, sama ada menikmati keindahan secara mendaki atau menikmati keindahan pemandangan keseluruhan kawasan Pulau Pinang. Berikutan kejayaan penganjuran tahun lepas, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan ini akan menganjurkan *Festival Hill Penang 2019* (PHF 2019) bermula pada **18 Julai hingga 21 Julai**.

Acara yang akan diadakan bersempena dengan PHF2019 akan menegenhakan tema utama iaitu menghayati alam semula jadi, sejarah dan budaya. Dengan kekayaan sejarah, alam semula jadi dan budaya, PBBPP menjemput orang ramai untuk meraikan keindahan gabungan tema tersebut di Bukit Bendera .

Dengan lebih daripada 20 acara dan aktiviti menarik yang dianjurkan, *PHF2019* bersedia untuk disenaraikan sebagai acara tahunan pilihan pengunjung di Bukit Bendera. Antara acara menarik yang diadakan adalah seperti berikut:

Photo Exhibition

Melangkah ke masa yang silam melalui koleksi gambar kenangan yang jarang dapat dilihat mengenai Bukit Bendera pada Pameran Foto di *Gate House* Bel Retiro. Anda pasti teruja melihat koleksi gambar pada masa lampau.

Music on the Hill: East Meets West

Datang hiburkan mata dan telinga anda dengan alunan muzik yang unik melalui konsert di puncak bukit dengan tema '*East Meets West*'. Hayati alunan keindahan muzik pelbagai budaya di Malaysia. Anda boleh berbuat demikian melalui acara PHF 2019 : *Penang Hill's Music on the Hill: East Meets West*.



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Talk & Walk: Rainforest Exploration Guided Walk

Dr Saw Leng Guan, kurator dari Taman Botani Pulau Pinang merupakan penerima pingat berprestij 'Royal Botanic Garden Edinburg' akan berbicara mengenai flora yang terdapat di Bukit Bendera bagi meneroka kekayaan semula jadi Bukit Bendera. Aktiviti penerokaan turut disertakan dalam acara ini.

UNESCO Biosphere Exhibition and Talk

Pameran dan taklimat ini adalah mengenai usaha-usaha PBBPP bersama UNESCO's dan Program Biosfera (MAB). Terdapat pelbagai cara untuk manusia dapat hidup dengan harmoni bersama alam dan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk generasi akan datang.

Night Exploration

Para pengembara boleh menyertai acara yang menyeronokkan dan teruja dengan beberapa laluan dalam keadaan gelap di Bukit Bendera dan cuba untuk meneroka haiwan yang aktif pada waktu malam (*nocturnal*) di habitat semula jadi mereka. Bersedia untuk menemui kehidupan yang tersembunyi pada waktu malam dan meneroka hidupan berharga yang tersembunyi di Bukit Bendera.

Photography Workshop by Canon

Bengkel Fotografi alam semula jadi merupakan peluang yang jarang diperolehi bagi penggemar fotografi untuk menambahkan kemahiran mereka dan merakamkan gambar hidupan unik bersama jurugambar profesional. Penggemar fotografi juga berpeluang untuk merakamkan gambar matahari terbit yang indah dari *Skydeck East*.

Up-Close with Crawlies by Entopia

Jom sertai sesi interaktif bersama keluarga dan rakan anda untuk mendekati alam semula jadi bersama Entopia yang menawarkan pendidikan dan aktiviti pembelajaran secara langsung. Peluang ini membolehkan para peserta memperolehi pengalaman pembelajaran mengenai kepentingan kewujudan mereka di bumi.

Highland Nature Trail Young Explorer - Chemist Version

Kelas Alam semula jadi kembali atas permintaan ramai pada tahun ini dengan penambahan faktor menarik ke dalam program yang popular ini. Dengan tema '*Highland Nature Trail Young Explorer the Chemist Version*', program ini dapat merangsang minda generasi muda dengan keajaiban alam sekeliling dan juga uji kaji sains ditambah untuk menjadikan ia lebih bermakna dan menarik.



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Nature Walk- Nature & Heritage Session

Pencinta alam dan pendaki pasti gembira mengetahui bahawa lawatan dipimpin oleh pemandu pelancong disediakan. Ini merupakan peluang untuk untuk meneroka tumbuh-tumbuhan eksotik seperti periuk kaca, *Slipper Orchid* dan sebagainya. Anda juga berpeluang menemui kekayaan warisan sejarah serta bangunan bersejarah yang terdapat di Bukit Bendera.

Selain itu, terdapat beberapa aktiviti menarik sepanjang festival ini berlangsung seperti ***Habitalks, Let's Talk Nature, Sun Salutation Yoga Session*** dan ***Ecosystem Services Community Engagement*** oleh The Habitat, ***Tea Talks*** dan ***Ginger Garden Tour*** oleh Bellevue Hotel, ***Star Gazing*** oleh Dr. Chong Hon Yew, ***Wild Roads*** oleh Langur Project Penang, ***Bird Watching*** bersama Encik Kanda Kumar serta promosi menarik mengenai makanan oleh David Brown, dan sebagainya.

PBBPP juga berbesar hati untuk mengumumkan penaja utama iaitu Penang Global Tourism (PGT) untuk sumbangan PHF 2019 bagi kempen pengiklanan dan promosi. PBBPP juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Canon Malaysia kerana sudi menaja Pameran Foto.

Untuk maklumat lanjut mengenai program (tertakluk kepada pindaan jika perlu) dan pendaftaran untuk menyertai aktiviti sepanjang festival, sila layari pautan dibawah untuk butiran lanjut : <http://www.penanghill.gov.my/phf2019>

Pastikan anda sertai kami. TANDAKAN TARIKH 18 – 21 Julai 2019.

Lihat Alam Semula jadi, Hayati Sejarah

#TAMAT#



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my